

CNS5488

R GB 22-05 00215 BB953

bah

JANGAN JADI ANGGOTA UMNO UNTUK DAPATKAN SESUATU, KATA MAHATHIR

PEKAN, 22 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan anggota parti supaya tidak menyertai Umno hanya untuk mendapatkan sesuatu bagi diri sendiri.

"Jangan jadi anggota Umno hanya kerana ada peluang dalam parti. Ada sesetengah yang ingat jadi anggota Umno boleh dapat sesuatu," katanya semasa melancarkan Taman Perumahan Perindustrian Automotive Manufacturers (M) Sdn Bhd di sini. \*

Beliau berkata setiap anggota perlu ingat bahawa mereka berada dalam parti kerana negara, bangsa dan agama, bukannya untuk mendapatkan sesuatu bagi diri mereka sendiri.

Perdana Menteri menegaskan bahawa setiap orang akan dapat merasai nikmat sama ada secara langsung atau tidak jika negara semakin maju hasil kesedaran dan tanggungjawab untuk meningkatkan prestasi.

Beliau juga meminta generasi muda dalam Umno sedar mengenai tanggungjawab mereka ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 kerana kejayaannya bergantung kepada mereka, bukan pada pemimpin yang meningkat tua seperti yang ada sekarang.

Beliau gembira melihat semakin ramai pemuda-pemudi yang mengganggotai Umno dan meminta mereka turut mewarisi sifat-sifat kepimpinan para pemimpin sekarang yang membawa kepada pembangunan negara.

Kira-kira 5,000 orang, termasuk pemimpin dan anggota Umno daripada 10 bahagian Umno negeri ini hadir pada majlis itu. -- Bernama.

ROS RON